



Madinah Ramadan beri peluang  
warga bandar berjemaah imarahkan  
Ramadan - MB Kelantan

Buletin

بوليتين دارالنعيم

MINGGUAN

# DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | RAMADAN 1447H | 27 FEB-05 MAC 2026

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

Anak perantau diseru hayati Ramadan  
berpandukan al-Quran - MB Kelantan

600 OKU terima sumbangan  
Program Menggapai Keberkatan  
Ramadan

Kelantan kekal pengeluar tembikai  
terbesar negara - Exco Pertanian

## Tengku Mahkota Kelantan berkenan santuni anak yatim, pelajar tahfiz dan OKU berbuka puasa

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 5 Mac – Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan Tengku Muhammad Fakhry Petra Ibni Almarhum Sultan Ismail Petra berkenan berangkat menyantuni anak-anak yatim, pelajar tahfiz serta golongan orang kurang upaya (OKU) dalam Majlis Berbuka Puasa bersama Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan di Dewan Utama Tengku Kaya Pahlawan, Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji, pada Rabu.

Majlis tersebut melibatkan 92 anak-anak yatim dari Darul Aitam serta 104 pelajar Darul al-Quran di bawah seliaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), selain penyertaan golongan OKU.

Sebelum majlis iftar, Tengku Mahkota Kelantan berkenan mengurniakan sumbangan zakat kepada anak-anak yatim, pelajar tahfiz dan golongan OKU sebagai tanda keprihatinan baginda terhadap ke-

bajikan serta kesejahteraan golongan berkenaan.

Majlis berkenaan turut dihadiri Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, YBM Tengku Temenggong Kelantan merangkap Yang Dipertua MAIK YBM Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Dato' Tengku Kaya Per-

kasa Dato' Dr. Tengku Fazihardean Tengku Feissal, Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan YB Dato' Idham Abd Ghani dan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan YB Dato' Rosnazli Amin.

Turut hadir, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan YB Mohd Asri Mat Daud, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Kaya Perba-

Mohamad Shukri Mohamad serta Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan YAA Dato' Ibrahim Deris.

Penganjuran majlis tersebut mencerminkan komitmen berterusan institusi diraja Kelantan dalam menyantuni golongan memerlukan, khususnya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan, selain memperkukuh hubungan kasih sayang antara pemimpin dan rakyat.



# Madinah Ramadan beri peluang warga bandar berjemaah imarahkan Ramadan - MB Kelantan

Oleh: Asri Hamat

**KOTA BHARU**, 27 Februari - Kerajaan Negeri Kelantan mewujudkan program Madinah Ramadan dengan menganjurkan solat sunat tarawih di tengah-tengah bandar bagi memberi ruang dan peluang kepada warga kota mengimarahkan bulan Ramadan secara berjemaah.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata penganjuran program itu bertujuan membuka peluang kepada penduduk sekitar untuk bersama-sama menunaikan solat tarawih selain menghidupkan budaya tadarus al-Quran sepanjang Ramadan.

Katanya, program berkenaan mendapat sambutan masyarakat tempatan dan turut menarik kehadiran jemaah dari luar Kelantan yang ingin merasai kemeriahan suasana Madinah Ramadan.

"Ini adalah usaha kita untuk menarik masyarakat menunaikan solat tarawih dan pada masa sama kita menyediakan teks tadarus bagi menggalakkan orang ramai bertadarus.

"Kita di Kelantan telah membudayakan program tadarus lebih-lebih



ih lagi dalam bulan Ramadan. Jadi marilah sama-sama kita merebut peluang ini dan menjadikan Ramadan tahun ini lebih baik berbanding tahun sebelumnya."

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Mafinah Ramadan 1447H di Dataran Warisan Stadium Sultan Muhammad IV, di sini, semalam.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program tersebut termasuk kepada penyumbang serta menyifatkan setiap sumbangan yang diberikan akan memperoleh ganjaran berlipat kali ganda di sisi Allah SWT.

Menteri Besar turut mengin-

gatkan umat Islam supaya sentiasa berusaha memperbaiki diri dengan memetik kata-kata Sayyidina Ali bahawa sesiapa yang hari ini lebih baik daripada semalam adalah orang yang rugi dan terpedaya, dan yang lebih buruk daripada semalam adalah golongan yang dilaknat.


Dalam majlis sama, Dato' Mohd Nassuruddin turut melancarkan dua buah buku iaitu "Madinah Ramadan Evolusi Syiar Islam di Kota Bharu: Manifestasi Dasar Membangun Bersama Islam dan Kelantan Sejahtera 2033" karya Wan Syarafi Wan Mustafa serta

“

Kita di Kelantan telah membudayakan program tadarus lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan. Jadi marilah sama-sama kita merebut peluang ini dan menjadikan Ramadan tahun ini lebih baik berbanding tahun sebelumnya,”

buku "Infaq Pelaburan Dunia dan Akhirat" terbitan Institut Pemikiran Tok Guru Bentara Setia (IPTG).

Hadir sama, Penasihat IPTG yang juga mantan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Bentara Kanan, Ustaz Dato' Ahmad Yakob, Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Rakyat (ADR), Ahli-ahli Dewan Negeri (ADN), Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) Dato' Zulkifli Abdul Rahman, Setiausaha MPKB-BRI Mohamad Othman serta Ahli-ahli Majlis MPKB-BRI.



# 2000 perantau Kelantan meriahkan Majlis Ihya' Ramadan Zon Lembah Klang

Oleh: Syamimi Manah

SHAH ALAM, 28 Februari – Seramai 2000 perantau anak Kelantan hadir memeriahkan Program Ihya' Ramadan Perdana Kepimpinan Kerajaan Negeri Bersama Anak Kelantan di Perantauan 1447H/2026 bagi Zon Lembah Klang, hari ini.

Majlis yang berlangsung di Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam itu

terus menjadi wadah tahunan yang memperkukuhkan hubungan antara kepimpinan kerajaan negeri dan anak-anak Kelantan di luar negeri.

Sehubungan itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud berkata, Program Ihya' Ramadan merupakan acara tahunan Kerajaan Negeri Kelantan yang berjaya mempereratkan ukhuwah pemimpin dengan anak Kelantan yang jauh dari kampung halaman.

“Alhamdulillah kita dapat bertemu dalam program tahunan kerajaan negeri untuk berbuka puasa bersama anak-anak Kelantan” katanya.



Beliau turut merakamkan penghargaan kepada anak-anak perantau yang hadir bersama keluarga bagi memeriahkan majlis tersebut serta sentiasa memberikan komitmen tinggi terhadap program anjuran kerajaan negeri.

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan program Tadarus Ramadan anjuran kerajaan negeri kini memasuki siri ke-34 sejak dimulakan pada tahun 1992, termasuk usaha membukukan teks tadarus sebagai panduan rakyat.

“Teks tadarus dipilih mengikut situasi semasa setiap tahun. Tahun ini kita memilih Surah al-Anfal ayat 24 hingga 28. Walaupun hanya lima ayat, namun intipatinnya cukup besar untuk kita ambil

ibrah,” jelasnya.

Tambahnya, kerajaan negeri sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan iman rakyat Kelantan agar sentiasa mendengar dan mematuhi perintah Allah SWT, selaras dengan hasrat membangunkan negeri berteraskan Islam.

Sementara itu, Pemangku Pengerusi Persatuan Anak-Anak Kelantan Perantau Malaysia (PERAKAN) Mohd Ariff Yusoff berkata, pihaknya merakamkan penghargaan kepada Menteri Besar Kelantan atas kesudian bersama anak-anak Kelantan di perantauan dalam majlis terbuka puasa tersebut.

“Bagi pihak PERAKAN, saya merakamkan penghargaan kepada



MB Kelantan kerana sudi bersama kami anak-anak Kelantan di perantauan. Kehadiran beliau membuktikan keprihatinan kerajaan negeri terhadap kebajikan anak Kelantan di mana sahaja kami berada,” katanya.

Beliau juga menegaskan, walaupun berada jauh dari tanah air, semangat jati diri Kelantan tetap utuh dalam kalangan anak perantau.

“Majlis hari ini menjadi ruang untuk kita bersilaturahmi, saling kenal-kenalan serta terus menyumbang idea untuk negeri yang kita kasihi. Kami sentiasa komited menjadi penghubung antara anak-anak Kelantan dengan pimpinan kerajaan negeri,” ujarnya.

## Orang ramai diminta jaga kebersihan ketika berbuka puasa di tempat awam- Exco Alam Sekitar



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 2 Mac – Orang ramai diingatkan supaya sentiasa menjaga kebersihan ketika berbuka puasa di lokasi awam bagi memastikan persekitaran kekal bersih, selamat dan selesa sepanjang Ramadan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, menjadi kebiasaan masyarakat memilih untuk berbuka puasa di luar rumah bagi mencari kelainan suasana.



Menurutnya, antara lokasi pilihan termasuk masjid atau perkarangannya, hotel, warung, taman awam, dataran serta kawasan lapang milik pihak berkuasa tempatan (PBT) dan swasta.

“Tidak ketinggalan lokasi tular di tepi Sungai Lembah Sireh bersebelahan Pasaraya Lotus yang turut menjadi tumpuan orang ramai untuk berbuka puasa.

Namun, apa yang mendukacitakan ialah isu sampah-sarap seperti plastik bungkus dan sisa makanan

yang ditinggalkan merata-rata sehingga mencacatkan pandangan kawasan berkenaan,” katanya menerusi kenyataan di laman rasmi, hari ini.

Beliau menjelaskan, walaupun amaran telah diberikan berulang kali, perbuatan tidak bertanggungjawab itu masih berlaku.

Sehubungan itu, beliau menyeru orang ramai agar membuang sampah ke dalam tong yang disediakan. Sekiranya tong sampah penuh, mereka digalakkan melonggokkan sisa di tepi tong bagi memudahkan syari-

kat konsesi membuat pungutan atau membawa pulang bungkus serta sisa juadah masing-masing.

Tegasnya, sekiranya perkara berkenaan terus berlarutan, pihak MPKB-BRI tidak akan teragak-agak menjalankan operasi penguatkuasaan dan mengambil tindakan di bawah Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran MPKB-BRI Tahun 2020.

“Tindakan boleh dikenakan termasuk denda sehingga RM1,000 terhadap individu yang melakukan kekotoran di tempat awam atau memerintahkan tuan tanah serta pemegang konsesi menutup kawasan tersebut kepada orang awam,” ujarnya.

Beliau turut menasihati orang ramai agar bersama-sama memainkan peranan menjaga kebersihan sebagai tanda tanggungjawab sosial dan menghormati bulan Ramadan yang mulia.

# 2,000 muslimat meriahkan Program Nur Ramadan Wanita Peringkat Negeri Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

**KUBANG KERIAN**, 26 Februari – Seramai 2,000 muslimat dari seluruh negeri termasuk dari Gua Musang dan Jeli hadir memeriahkan Program Nur Ramadan Wanita Peringkat Negeri Kelantan 1447H/2026M.

Program kerohanian anjuran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) dengan kerjasama Bahagian Dakwah Halaqat Negeri Kelantan itu berlangsung di Masjid Jamek Al-Sultan Ismail Petra, Kubang Kerian, semalam.

Dalam ucapan perasmian, Exco

Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud merakamkan penghargaan kepada semua peserta yang hadir sebagai tanda sokongan dan semangat mengimarahkan Ramadan.

“Saya mengucapkan terima kasih kepada 2,000 muslimat yang hadir, ada yang datang dari jauh seperti Gua Musang dan Jeli. Tahniat kepada semua. Insyallah ganjaran di sisi Allah SWT amat besar,” katanya

Beliau turut menyeru agar para muslimat menjadi wanita yang solehah dan muslimah, bukan sahaja memperbaiki diri bahkan berper-

anan memperbaiki masyarakat melalui budaya tegur-menegur dan hormat-menghormati sesama insan.

Menurutnya lagi, sejarah keluarga para nabi dan sahabat menunjukkan bahawa mereka bukan dalam kalangan orang senang, namun apabila dikurniakan rezeki, mereka menginfakkannya ke jalan Islam bagi menegakkan perjuangan agama.

“Kita apabila diminta untuk bersedekah, berilah setakat kemampuan yang ada dengan mengharapkan pahala yang dapat mengeluarkan kita daripada kemurkaan Allah dan ditempatkan dalam syurga, khususnya dalam bulan Ramadan al-Mubarak,” ujarnya.

ak,” ujarnya.

Beliau turut merakamkan tahniat kepada pihak penganjur daripada JAHEAIK atas komitmen menjayakan program berimpak besar kepada pembangunan rohani wanita di negeri ini.

Antara pengisian utama program ialah solat hajat berjemaah, tadarus 30 juzuk al-Quran dengan konsep seorang peserta satu juzuk serta forum kupasan Teks Tadarus Ramadan Negeri Kelantan yang membincangkan Surah al-Anfal ayat 24 hingga 28.

Forum tersebut menampilkan pendakwah selebriti Ustazah Datuk Dr. Norhafizah Musa dan Timbalan Rektor Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Dr. Nurul Akma Mohamed sebagai panelis.

Turut hadir memeriahkan program ialah Pengarah JAHEAIK Dr. Hasnan Ramli, isteri Menteri Besar Kelantan Datin Panglima Perang Ustazah Datin Wan Nor Hanita Wan Yaakob serta isteri-isteri pemimpin negeri.

## Anak perantau diseru hayati Ramadan berpandukan al-Quran - MB Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

**SHAH ALAM**, 28 Februari – Anak Kelantan di perantauan diseru agar menghayati Ramadan dengan menjadikan al-Quran sebagai panduan utama dalam kehidupan demi mencapai keselamatan dan kebahagiaan di dunia serta akhirat.

Seruan itu disampaikan oleh Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nassuruddin Daud ketika merasmikan Program Ihya’ Ramadan Perdana Pimpinan Kerajaan Negeri Bersama Anak Kelantan di Perantauan 1447H/2026 yang berlangsung di Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam, hari ini.

Majlis anjuran Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) dengan kerjasama Persatuan Anak-Anak Kelantan di Perantauan Malaysia (PERAKAN) itu disertai oleh anak-anak Kelantan yang menetap di sekitar Lembah Klang termasuklah maha-



siswa dan mahasiswi di universiti berdekatan.

Menurutnya, Ramadan merupakan bulan yang amat istimewa kerana padanya diturunkan al-Quran sebagai petunjuk kepada seluruh umat manusia.

“Rebutlah peluang yang Allah SWT berikan kepada kita untuk menanam keazaman dan melipatgandakan amalan baik.

“Antara amalan utama yang perlu kita perbanyakkan ialah membaca al-Quran kerana Ramadan ialah bulan diturunkan al-Quran. Siapa yang mahukan keselamatan

di dunia dan akhirat, hendaklah dia berpandukan al-Quran,” katanya.

Majlis berkenaan dimulakan dengan kupasan Teks Tadarus Al-Quran Kerajaan Negeri Kelantan siri ke-34, ayat surah Al-Anfal 24 hingga 28, oleh Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman.

Menteri Besar Kelantan turut mengingatkan bahawa kegagalan manusia menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup boleh menyebabkan hilangnya ketenangan jiwa, seterusnya menyumbang kepada pelbagai gejala negatif dalam mas-

yarakat.

Sehubungan itu, beliau turut menyeru agar umat Islam mendekatkan diri, keluarga serta anak-anak dengan al-Quran, bukan sekadar membacanya tetapi menadabbur dan memahami isi kandungannya agar dapat diamalkan dalam kehidupan seharian.

“Kita jadikan Ramadan pada tahun ini lebih baik daripada Ramadan yang sebelumnya. Mulakan perubahan dengan diri kita, keluarga dan masyarakat, kemudian lebarkan ajaran Allah ke seluruh negara” ujarnya.

# PETRA sambut baik cadangan Dato' Mumtaz lengkapi PPS, sekolah dan masjid dengan sistem storan tenaga



Oleh:Irham Hilmi Hashim dan Norzana Razaly

**KUALA LUMPUR, 2 Mac** - Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) menyambut baik cadangan Ahli Parlimen Tumpat YB Dato' Mumtaz agar Pusat Pemindahan Sementara (PPS), sekolah dan masjid dilengkapi sistem storan tenaga bagi memperkukuh daya tahan tenaga serta mengurangkan kos utiliti jangka panjang.

Timbalan Menteri PETRA Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad memuji keprihatinan tersebut ketika menjawab usul di bawah Perkara Tadbir Kerajaan (P.M.17) ketika sesi Kamar Khas di Dewan Rakyat.

Menurutnya, cadangan berkenaan selari dengan komitmen ker-

ajaan untuk memperluas penggunaan Tenaga Boleh Diperbaharui (TBB) sebagai sebahagian daripada budaya nasional dan agenda kelestarian negara.

Dalam perbahasannya, Dato' Mumtaz menekankan bahawa masjid dan sekolah merupakan premis yang beroperasi hampir setiap hari, sekali gus menanggung kos elektrik yang tinggi. Namun, premis berkenaan mempunyai potensi besar untuk dijadikan pusat literasi teknologi hijau di peringkat komuniti.

Menjawab persoalan tersebut, Dato' Sri Abdul Rahman memaklumkan bahawa kapasiti terpasang TBB negara kini telah mencapai 31 peratus, dengan sasaran ditingkatkan kepada 35 peratus menjelang 2030 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13).

Beliau turut memaklumkan bahawa sehingga kini, sebanyak 123 masjid di seluruh Semenanjung Malaysia telah memanfaatkan program Net Energy Metering (NEM) dengan kapasiti terkumpul 3.38 Megawatt (MWac). Negeri Perak mendahului dengan 45 masjid mel-

ibatkan kapasiti 1.0 MWac.

Sehubungan itu, PETRA membuka ruang seluas-luasnya kepada negeri-negeri lain untuk meningkatkan penyertaan institusi keagamaan dan pendidikan dalam program tenaga solar, termasuk melalui inisiatif Solar ATAP yang dilancarkan pada awal tahun 2026.

Menyentuh kebimbangan berkaitan kos operasi masjid, Abdul Rahman menjelaskan bahawa pemasangan sistem solar bagi premis dengan bil elektrik antara RM1,200 hingga RM1,500 sebulan memerlukan kos sekitar RM60,000 hingga RM70,000.

“Walaupun kos permulaan agak tinggi, penjimatan bil elektrik boleh mencecah sehingga 80 peratus. Masjid yang sebelum ini membayar sekitar RM1,000 sebulan berpotensi mengurangkan bayaran kepada kira-kira RM200 selepas pemasangan sistem solar,” jelasnya.

Beliau bersetuju bahawa penggunaan penyaman udara yang tinggi, khususnya di masjid luar bandar, memerlukan intervensi

teknologi bagi memastikan pengurusan kewangan institusi lebih mampan.

Dalam pada itu, Dato' Mumtaz turut membangkitkan isu keadilan wilayah, khususnya bagi kawasan pesisir pantai seperti Tumpat yang menerima pendedahan cahaya matahari optimum tetapi berdepan kekangan akses pembiayaan. Beliau mempersoalkan mekanisme sokongan kepada golongan B40 agar tidak tercicir daripada arus peralihan tenaga.

Menjawab isu berkenaan, Kementerian mengakui bahawa pemasangan solar ketika ini lebih efisien bagi kediaman dengan bil elektrik melebihi RM300 sebulan. Namun, kerajaan sedang meneliti model pembiayaan inovatif bagi memperluas akses kepada golongan berpendapatan rendah.

Dato' Sri Abdul Rahman memetik contoh projek perumahan PR-1MA di Pahang yang membabitkan kos pemasangan solar sekitar RM10,000 dimasukkan ke dalam pembiayaan pinjaman perumahan sebagai pendekatan bagi mengurangkan beban tunai rakyat.

## Persoalan YB Siti Zailah buka ruang ketelusan agihan geran PBT



Oleh:Irham Hilmi Hashim

**KUALA LUMPUR, 2 Mac** — Ahli Parlimen Rantau Panjang YB Siti Zailah Mohd Yusoff mengemukakan persoalan yang membuka ruang kepada ketelusan maklumat berkaitan pengurusan dana awam di peringkat kerajaan tempatan, sekali gus membantu rakyat memahami bagaimana peruntukan persekutuan diagihkan secara sistematik demi penyediaan perkhidmatan komuniti yang lebih berkualiti dan inklusif.

Beliau meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menjelaskan secara terperinci asas kriteria serta formula yang digunakan dalam menentukan kadar pemberian Geran Keseimbangan kepada setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

“Penjelasan ini penting bagi memastikan rakyat memahami mekanisme pengagihan dana serta kaedah menilai keberkesanan geran dalam memperkukuh tadbir urus, meningkatkan mutu perkhidmatan perbandaran dan menjamin kesejahteraan penduduk, khususnya di kawasan kurang berkemampuan,” katanya ketika bersidang di Dewan Rakyat, hari ini.

Susulan pertanyaan itu, Menteri KPKT YB Nga Kor Meng memperincikan mekanisme penyaluran Geran Tahunan Berasaskan Kadar Keseimbangan (GTBKK)

sebagai respons terhadap isu yang dibangkitkan. Penjelasan berkenaan memberikan gambaran jelas mengenai tatacara kerajaan dalam mengimbangi agihan kewangan kepada PBT di seluruh negara, terutama bagi kawasan yang mempunyai kapasiti fiskal terhad.

YB Nga Kor Ming juga memaklumkan bahawa penyaluran geran dilaksanakan berlandaskan Akta Pemberian kepada Negeri (Penyelenggaraan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan) 1981 [Akta 245].

Beliau menjelaskan bahawa tiga kriteria utama diguna pakai dalam formula pengagihan semasa, iaitu jumlah keseluruhan penduduk, keunikan identiti PBT serta tahap pembangunan sosioekonomi kawasan berkenaan. Pendekatan tersebut bertujuan memastikan agihan dana lebih adil dan responsif terhadap keperluan setempat.

Data yang dibentangkan menunjukkan peningkatan peruntukan di bawah Belanjawan MADANI. Pada tahun 2024, sebanyak RM308.5 juta telah disalurkan kepada 150 PBT, manakala bagi tahun 2025, jumlah itu meningkat kepada RM310 juta melibatkan 151 PBT, bagi memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan perbandaran kepada rakyat.

“KPKT melalui sistem iKPKT sedang melaksanakan kajian semula terhadap kriteria dan formula pemberian geran bagi memastikan ia kekal relevan dengan cabaran ekonomi semasa. Langkah tersebut bertujuan memperkukuh keseimbangan kewangan PBT serta menilai keberkesanan penggunaan dana dalam meningkatkan kualiti tadbir urus dan kesejahteraan komuniti,” katanya.

# 600 OKU terima sumbangan Program Menggapai Keberkatan Ramadan

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU, 2 Mac** – Sebanyak 600 Orang Kurang Upaya (OKU) menerima sumbangan sempena Program Menggapai Keberkatan Ramadan OKU yang berlangsung di Masjid Jamek Sultan Mansor, Kampung Sireh, hari ini.

Program berkenaan adalah anjuran Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKWa) Kerajaan Negeri Kelantan dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK).

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang DiPertua MAIK yang juga Tengku Temenggong Kelantan YBM Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz yang menzahirkan rasa besar hati dapat bersama komuniti OKU Kelantan dalam program berkenaan.

Beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur khususnya U-KeKWa dan MPPOK atas kerjasama, komitmen serta kesungguhan dalam menjayakan program tersebut, di samping menghargai semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Menurutnya, setiap individu yang diciptakan Allah SWT mempunyai kelebihan dan kemahiran tersendiri yang perlu dicungkil tan-



pa mengira latar belakang. Golongan OKU disifatkan sebagai insan istimewa dan doa-doa mereka merupakan rahmat buat semua.

Tengku Temenggong Kelantan turut menegaskan bahawa keberadaan komuniti OKU dalam masyarakat termasuk dalam kepimpinan telah lama dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW dan wajar terus diperkasakan sebagai manifestasi keprihatinan kerajaan dalam menyantuni, mengiktiraf serta mengangkat pencapaian mereka.

Tambahnya, Malaysia dan Kelantan khususnya memerlukan hala tuju yang dinamik serta strategik dalam memperkasa modal insan komuniti OKU agar segala aspek meliputi martabat, aqidah, kelangsungan hidup, hak, tanggungjawab dan perlindungan dapat dibangunkan secara lebih efisien dan efektif.

“Cabaran OKU bukan sahaja dari sudut fizikal, bahkan turut

melibatkan aspek mental. Justeru, golongan ini perlu terus diperkasakan dari segi sosial, ekonomi dan politik supaya kejayaan OKU di Kelantan dapat dilihat dengan lebih jelas,” jelasnya.

Beliau turut berharap lebih ramai OKU berkemahiran dan memahami isu-isu berkaitan agar mampu menjadi pelapis kepimpinan pada masa hadapan, di samping memperkukuh aksesibiliti dalam segenap aspek selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan OKU berdaya saing dan berperanan sebagai pembimbing masyarakat.

Tengku Temenggong Kelantan turut berkenan menyampaikan sumbangan kepada wakil tujuh persatuan OKU di bawah MPPOK iaitu Persatuan Orang Pekak Kelantan (POPK), Persatuan Insan Istimewa Kelantan (INSANI), Persatuan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Cawangan Kelantan (SBM), Persatuan Orang-orang

“

Cabaran OKU bukan sahaja dari sudut fizikal, bahkan turut melibatkan aspek mental. Justeru, golongan ini perlu terus diperkasakan dari segi sosial, ekonomi dan politik supaya kejayaan OKU di Kelantan dapat dilihat dengan lebih jelas,”

Cacat Penglihatan Islam Malaysia Wilayah Kelantan (PERTIS), Persatuan Rekreasi Cakna OKU Kelantan (RCO), Persatuan Orang Kelainan Upaya Bekerusi Roda Kelantan (OKUSIDA) serta Persatuan Prihatin Minda Istimewa Kelantan (PAMIK).

Sumbangan yang diagihkan merangkumi wang tunai, beras, biskut dan kurma sebagai tanda keprihatinan dan sokongan kepada komuniti OKU sepanjang bulan Ramadan.

Turut hadir, Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Dato' Rohani Ibrahim dan timbalannya, YB Asilah Mohamed Zin, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud serta Timbalan Yang Dipertua MAIK Dato' Mohd Anis Hussein bersama Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan merangkap Pengerusi Masjid Jamek Sultan Mansor Dato' Ibrahim Deris.



# Laporan Ketua Audit Negara dedah kelemahan tadbir urus, kos projek melonjak ratusan juta



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KUALA LUMPUR, 1 Mac** — Isu ketirisan dan kelemahan tadbir urus kewangan melibatkan beberapa kementerian serta agensi kerajaan mencuri tumpuan dalam perbincangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2026 di Dewan Rakyat pada 24 Februari lalu, susulan pendedahan peningkatan kos projek dan perbelanjaan tidak efisien.

Sehubungan itu, Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman berkata dapatan audit menunjukkan wujud kelemahan

berulang dalam pelaksanaan projek dan pengurusan peruntukan awam yang memerlukan tindakan pembetulan segera serta mekanisme pemantauan lebih berkesan.

Menurutnya, situasi tersebut menimbulkan keresahan apabila rakyat berdepan tekanan kos sara hidup dan terpaksa berbelanja secara berhemah, sedangkan terdapat projek kerajaan yang mencatatkan peningkatan kos mencecah ratusan juta ringgit.

“Jurang persepsi antara kesuasan rakyat dan gambaran kemewahan pentadbiran perlu ditangani melalui langkah pembaikan tadbir urus yang jelas dan tegas,” katanya ketika mengambil bahagian dalam sesi perbincangan berkenaan.

Antara isu utama yang dibangkitkan ialah projek di bawah Pelaburan Hartanah Berhad (PHB), termasuk pembangunan Lot 61 Bangsar yang dilaporkan mengala-

mi kelewatan sehingga 1,731 hari selain peningkatan kos berjumlah RM313.44 juta.

Beliau turut memaklumkan bahawa kos pembinaan tempat letak kereta bagi projek tersebut meningkat secara signifikan sehingga menjadikan jumlah keseluruhan kos mencecah RM362.73 juta.

Selain itu, laporan audit mendedahkan kelemahan serius dalam pengurusan projek Mayang Mall yang mencatatkan peningkatan kos sebanyak RM274.38 juta serta kerugian tuntutan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM12.88 juta.

Kerugian tersebut berpunca daripada keputusan PHB melepaskan Penamatan Bersama, yang menyebabkan hak menuntut pampasan kelewatan tidak dapat diteruskan. Keadaan tersebut, menurut beliau, menimbulkan persoalan berkaitan

tahap akauntabiliti dalam mengurus dan memelihara dana pelaburan Bumiputera.

Dalam perbincangan sama, kewujudan 62 syarikat milik kerajaan berstatus dormant melebihi lima tahun tetapi masih melibatkan perbelanjaan sebanyak RM92.06 juta turut diberi perhatian.

Perbelanjaan berkenaan merangkumi kos pentadbiran, fi audit dan caj kewangan walaupun syarikat terbabit tidak lagi beroperasi secara aktif.

Beliau turut menegaskan bahawa pengurusan dana awam menuntut tahap amanah dan integriti yang tinggi, selaras dengan prinsip tadbir urus baik.

“Sebarang salah guna kuasa atau penyelewengan, tanpa mengira bentuk dan alasan, bertentangan dengan prinsip tadbir urus yang baik serta nilai moral yang dijunjung masyarakat,” tegasnya.

## Kelantan sambut baik Rancangan Pendidikan Negara 2026–2035

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 3 Mac** - Kerajaan Negeri Kelantan menyambut baik Rancangan Pendidikan Negara 2026–2035 yang digariskan kerajaan Persekutuan sebagai usaha memperkukuh pembangunan sektor pendidikan bagi tempoh sedekad akan datang.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato’ Panglima Perang Ustaz Dato’ Mohd Nasruddin Daud berkata, kerajaan negeri sentiasa bersedia memberikan kerjasama erat bagi memastikan segala inisiatif pendidikan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan, khususnya yang memberi manfaat kepada anak-anak Kelantan.

Beliau berkata demikian susulan kunjungan hormat Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPN) Kelantan Siti Norina Muhamad bersama pegawai kanannya di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Besar, Mabna Kompleks Kota Darulnaim, semalam.

Dalam kunjungan hormat tersebut, Menteri Besar turut diberikan pembentangan mengenai hala tuju dan strategi pembangunan pendidi-



kan negara bagi tempoh 2026 hingga 2035.

“Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama yang erat bagi memastikan segala inisiatif pendidikan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, selaras dengan usaha dan aspirasi Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK),” kata Menteri Besar menerusi media social, pada Isnin.

Turut hadir, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat dan timbalannya, YB Kamaruzaman Mohamad serta Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Shamsul Abu

Bakar.

Sementara itu, YB Dato’ Wan Roslan berkata pembentangan berkenaan memberi gambaran menyeluruh mengenai hala tuju pendidikan negara serta pelaksanaan dasar pendidikan di peringkat negeri.

Menurutnya, penekanan diberikan kepada aspek kualiti pembelajaran, pembangunan modal insan dan kecemerlangan institusi pendidikan agar terus diperkasa selaras keperluan semasa.

“Perbincangan turut menyentuh keperluan menyesuaikan sistem pendidikan dengan cabaran semasa termasuk pengukuhan literasi digital, penguasaan ilmu, pembinaan



sahsiah serta penyediaan generasi yang seimbang antara kecemerlangan akademik dan nilai insani,” katanya menerusi media sosial pada Isnin.

Beliau berharap segala perancangan yang dirangka mampu memperkukuh ekosistem pendidikan negeri sekali gus melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan berdaya saing demi masa depan ummah dan negara.

Pertemuan berkenaan mencerminkan komitmen berterusan antara Kerajaan Negeri dan pihak JPN Kelantan dalam memperkukuh kerjasama strategik demi meningkatkan kualiti pendidikan di negeri ini.

# Kelantan sebagai Hab Agro-Makanan Nasional: Unjuran Struktural Berasaskan Data 2023–2025



Oleh: Norzana Razaly

Transformasi sektor agromakanan Kelantan tidak lagi boleh dibaca dalam kerangka negeri pinggir, sebaliknya perlu dianalisis sebagai calon hab pengeluaran makanan strategik negara. Data terkini pengeluaran hasil pertanian 2023–2025 menunjukkan asas struktur yang kukuh untuk memposisikan Kelantan sebagai pengeluar utama makanan negara sekiranya

intervensi rantai nilai dilaksanakan secara bersepadu

Berdasarkan rekod Jabatan Pertanian Negeri Kelantan, jumlah petani yang berada di bawah bimbingan mencecah 25,343 orang dengan 470 usahawan Industri Asas Tani (IAT). Secara relatif, saiz komuniti pengeluar ini bukan angka kecil. Dalam analisis agroekonomi, kekuatan sebenar terletak pada skala pengeluaran dan keupayaan pengelompokan (clusterisation). Apa-

bila lebih 25,000 petani berada dalam satu ekosistem yang tersusun, potensi integrasi hulu dan hiliran menjadi realistik.

### Dinamika produktiviti tanaman strategik

Bagi tanaman buah-buahan, tembikai mencatat produktiviti 39,133.22 metrik tan (MT) pada 2025, diikuti durian 32,324.18 MT dan pisang 25,975.00 MT. Jumlah ini menandakan Kelantan memiliki kelebihan komparatif dalam tanaman tropika bernilai tinggi. Dalam ekonomi pertanian, kelebihan komparatif perlu diterjemah kepada kelebihan daya saing melalui pemprosesan, penjenamaan dan standard eksport.

Bagi sayur-sayuran pula, tomato menunjukkan lonjakan ketara kepada 109,891.20 MT pada 2025. Angka ini signifikan kerana tomato merupakan komoditi rantai sejuk yang sensitif. Keupayaan menghasilkan lebih 100,000 MT memberi isyarat bahawa Kelantan berpotensi menjadi pembekal utama sayuran segar ke pasaran Lembah Klang dan Selatan Thailand jika logistik diperkuat.

Selain itu, cili turut mencatat 12,540.41 MT manakala timun 21,499.14 MT pada 2025. Dari perspektif keselamatan makanan, kepelbagaian komoditi ini mengurangkan risiko ketidakstabilan bekalan domestik.

### Kedudukan nasional dan daya saing

Prestasi tahun 2024 menunjukkan Kelantan menduduki tempat pertama bagi tembikai (64,827 MT) dan beberapa komoditi lain seperti salak, dokong dan ubi keledak. Dalam konteks teori lokasi pertanian Von Thünen, pencapaian ini membuktikan bahawa faktor agroekologi Kelantan sesuai untuk tanaman tertentu dan boleh dikhususkan secara zon.

Kelantan juga berada pada kedudukan kedua nasional bagi tomato (70,681 MT). Sekiranya peningkatan produktiviti dioptimumkan melalui teknologi fertigasi, automasi rumah hijau dan varieti hibrid berdaya tahan, insya Allah tidak mustahil negeri ini menjadi peneraju mutlak pengeluaran tomato negara dalam tempoh lima tahun

### Nilai tambah dan industri asas tani

Unjuran agroekonomi tidak boleh berhenti pada angka pengeluaran mentah. Nilai jualan IAT meningkat daripada RM89.27 juta (2023)

RENCANA

kepada RM117.16 juta (2025). Kadar pertumbuhan ini menunjukkan kesan pengganda (multiplier effect) yang positif terhadap ekonomi luar bandar.

Produk bernilai tinggi seperti pastri mencatat nilai jualan RM18.46 juta, makanan ringan RM7.39 juta dan makanan sejuk beku RM7.01 juta. Struktur ini penting kerana ia menandakan peralihan daripada ekonomi komoditi kepada ekonomi pemprosesan makanan. Dalam teori rantaian nilai Porter, semakin panjang rantaian pemprosesan, semakin tinggi margin keuntungan yang dikekalkan di dalam negeri.

Dengan 4.18 juta kilogram pengeluaran IAT bernilai RM62.81 juta, Kelantan sebenarnya telah membina asas industri makanan berskala sederhana. Cabaran seterusnya ialah pensijilan halal antarabangsa, piawaian HACCP dan penembusan pasaran eksport ASEAN.

Analisis struktur dan cabaran

Walaupun angka produktiviti memberangsangkan, terdapat tiga isu struktur yang perlu diberi perhatian:

Pertama, kebergantungan kepada data belum disahkan bagi 2025 menunjukkan keperluan sistem data masa nyata. Agroekonomi moden memerlukan analitik ramalan (predictive analytics) untuk merancang eksport dan mengurus lebihan bekalan.

Kedua, isu rantaian sejuk dan logistik. Komoditi seperti tomato dan tembikai memerlukan infrastruktur penyimpanan dan pengangkutan yang efisien bagi mengurangkan susut nilai pascatuai.

Ketiga, pemusatan pengeluaran di jajahan tertentu seperti Kota Bharu dan Machang bagi

IAT menunjukkan keperluan desentralisasi agar limpahan ekonomi lebih seimbang.

Strategi Kelantan sebagai Baloh Makanan Negara Berdasarkan analisis, terdapat lima strategi utama yang berpotensi bagi Kelantan menjadi Baloh Makanan Negara.

- (i) Pengkhususan Zon Agro. Kawasan berprestasi tinggi seperti pengeluaran tembikai dan tomato perlu distruktur sebagai kluster agro dengan sokongan teknologi pintar.
- (ii) Integrasi Hulu-hilir. Petani dan usahawan IAT perlu digabung dalam model koperasi moden agar skala ekonomi dicapai.
- (iii) Pelaburan Infrastruktur Pascatuai. Gudang sejuk, pusat penggredan dan pemprosesan perlu diperluas bagi mengurangkan kerugian hasil.
- (iv) Pendigitalan Rantaian Bekalan. Platform e-dagang dan kontrak pintar dapat memendekkan rantaian orang tengah, meningkatkan pendapatan bersih petani.
- (v) Penembusan Pasaran Eksport. Kedudukan geografi Kelantan berhampiran Thailand membuka ruang perdagangan rentas sempadan bagi buah tropika dan produk makanan diproses.


Unjuran lima tahun

Jika kadar pertumbuhan nilai IAT sekitar 10 hingga 15 peratus setahun dapat dikekalkan, nilai industri makanan Kelantan berpotensi melepasi RM200 juta menjelang 2030. Dengan pengeluaran tomato melebihi 100,000 MT dan penguasaan nasional dalam beberapa komoditi, Kelantan mampu menyumbang secara signifikan kepada Dasar Sekuriti Makanan Negara.

Secara keseluruhan, data tahun 2023 hingga 2025 memperlihatkan bahawa Kelantan telah melepasi tahap asas pengeluaran tradisional. Oleh itu, kredit wajar diberikan kepada Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail dan pegawai agensi, pemain industri dan rakan strategik yang membolehkan Kelantan kini memasuki fasa konsolidasi dan pengembangan.

Melalui pelaksanaan dasar yang tepat, pembiayaan inovatif dan pengurusan rantaian nilai yang cekap, Kelantan berkapasiti menjadi negeri pengeluar bahkan berpotensi muncul sebagai hab agro-makanan strategik Malaysia atau dijenamakan sebagai Baloh Makanan Negara.

Transformasi ini berakar pada angka, produktiviti dan struktur ekonomi yang telah dibina. Kini, cabaran utama ialah mengangkat kelebihan komparatif tersebut kepada kelebihan daya saing yang mampan di peringkat nasional dan serantau.



**PENGELUARAN PRODUK TERTINGGI TAHUN 2025 NEGERI KELANTAN**

| Produk              | Pengeluaran (Kg) | Nilai Pengeluaran (RM) | Jajahan Utama |
|---------------------|------------------|------------------------|---------------|
| PASTRI              | 561,621.18       | 18,464,457.54          | KOTA BHARU    |
| MAKANAN SEJUK BEKU  | 309,976.98       | 7,015,564.08           | KOTA BHARU    |
| MAKANAN RINGAN      | 7,391,105.64     | 3,364,804.58           | KOTA BHARU    |
| MAKANAN TRADISONAL  | 256,040.40       | 6,087,509.94           | KOTA BHARU    |
| MEE                 | 425,847.96       | 766,526.33             | MACHANG       |
| HASILAN BERAS       | 599,435.64       | 1,408,852.15           | MACHANG       |
| SOS                 | 726,018.66       | 6,900,190.41           | MACHANG       |
| HASILAN KACANG SOYA | 168,379.56       | 3,364,804.58           | KOTA BHARU    |
| KOPI/TEH/KOKO       | 152,609.34       | 3,815,233.50           | KOTA BHARU    |
| HASILAN KELAPA      | 57,238.32        | 822,415.80             | PASIR PUTEH   |

**PENGELUARAN PRODUK TERTINGGI TAHUN 2025 NEGERI KELANTAN**

| Produk              | Pengeluaran (Kg) | Nilai Pengeluaran (RM) | Jajahan Utama |
|---------------------|------------------|------------------------|---------------|
| PES MASAKAN         | 76,008.36        | 1,607,352.72           | KOTA BHARU    |
| HASILAN BUAH-BUAHAN | 419,169.00       | 4,571,828.70           | TUMPAT        |
| SERUNDING           | 33,223.00        | 2,203,888.50           | BACHOK        |

| Pengeluaran dan Nilai Pengeluaran bagi Produk Industri Asas Tani (IAT) |                  |                        |
|------------------------------------------------------------------------|------------------|------------------------|
| BIL. PESERTA                                                           | PENGELUARAN (KG) | NILAI PENGELUARAN (RM) |
| 470                                                                    | 4,180,777.60     | 62,812,377.17          |

# Kelantan kekal pengeluar tembikai terbesar negara – Exco Pertanian

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA DARULNAIM, 2 Mac** – Kelantan terus mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju sektor agromakanan negara apabila muncul sebagai pengeluar tembikai terbesar Malaysia bagi tahun 2024 dengan jumlah pengeluaran sebanyak 64,827 metrik tan (MT).

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, pencapaian tersebut meletakkan Kelantan di tangga pertama peringkat kebangsaan bagi komoditi berkenaan, sekali gus memperkukuh reputasi negeri sebagai hab pengeluaran makanan strategik negara.

Menurutnya, perkara itu dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Portfolio Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi Bilangan 1/2026 yang berlangsung di Bilik Gerakan Ma-



na-MBI, hari ini.

“Mesyuarat ini menjadi platform penting untuk menyelaras hala tuju sektor agromakanan negeri berasaskan data pengeluaran serta prestasi semasa, di samping memperkukuh strategi pembangunan pertanian yang mampan dan berdaya saing,” katanya menerusi laman rasmi.

Selain tembikai, Kelantan turut mencatat pengeluaran signifikan bagi beberapa komoditi utama lain pada tahun 2024, termasuk duri-

an sebanyak 66,800 MT, tomato (70,681 MT), cili (17,415 MT) dan timun (20,565 MT).

Pada masa sama, Kelantan turut mendahului pengeluaran bagi beberapa komoditi lain seperti salak, lebah kelulut, kacang buncis, labu manis, ubi keledek dan jagung manis, sekali gus mencerminkan kepelbagaian serta kekuatan struktur sektor pertanian negeri.

Dato' Tuan Mohd Saripudin berkata, kejayaan tersebut membuktikan sektor pertanian Kelan-

tan kekal menjadi tunjang kepada agenda keterjaminan makanan negara serta pemacu ekonomi rakyat, khususnya dalam kalangan pengusaha tani dan usahawan industri asas tani.

“Kerajaan Negeri komited untuk terus memperkasa pengeluaran, meningkatkan nilai tambah produk serta memperluas peluang kepada agropreneur dan generasi muda supaya sektor ini kekal dinamik, berdaya tahan dan berorientasikan pasaran,” ujarnya.

## Hadanah Madinah Ramadan efektif, rekod lebih 150 kehadiran sehari



Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU, 2 Mac** — Penyediaan hadanah (pusat jagaan kanak-kanak) sempena program Madinah Ramadan di Stadium Sultan Muhammad IV, terbukti berkesan apabila merekodkan kehadiran melebihi 150 kanak-kanak setiap hari sepanjang penganjuran program berkenaan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam

Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, kemudahan tersebut diwujudkan bagi memudahkan ibu bapa menunaikan ibadah dalam suasana lebih tenang dan khushyuk tanpa kebimbangan terhadap aspek keselamatan anak-anak.

Menurutnya, pusat hadanah berkenaan menyediakan ruang yang selamat, teratur dan kondusif, selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri memastikan setiap inisiatif

yang dilaksanakan bersifat inklusif serta mesra keluarga.

“Usaha ini mencerminkan keprihatinan terhadap ibu bapa yang ingin mengimarahkan Madinah Ramadan, khususnya ketika menunaikan solat sunat tarawih dan mengikuti pengisian rohani yang diadakan.

“Alhamdulillah, sambutan amat menggalakkan dengan kehadiran melebihi 150 kanak-kanak setiap

hari. Ini menunjukkan keperluan kemudahan seperti ini dalam program berskala besar,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, penyediaan pusat jagaan tersebut bukan sahaja memberi keselesaan kepada ibu bapa, malah menjamin kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak sepanjang tempoh program berlangsung.

Tambahnya, inisiatif itu diharap menjadi pemangkin kepada peningkatan kehadiran masyarakat untuk bersama-sama menyemarakkan Madinah Ramadan, sekali gus memanfaatkan sepenuhnya keberkatan bulan yang mulia ini.

“Semoga usaha ini menjadi asbab lebih ramai rakyat hadir mengimarahkan program yang dianjurkan, seterusnya memperkukuh suasana ibadah dan ukhuwah sepanjang Ramadan,” ujarnya.

Di pusat berkenaan, sukarelawan Madinah Ramadan turut ditempatkan bagi memantau keselamatan kanak-kanak selain mengendalikan aktiviti santai dan bermanfaat sebagai pengisian masa.

# MB Kelantan santuni 98 wakil kaum dan penjawat awam bukan Islam

Oleh: Syamimi Manah

**KOTA BHARU, 3 Mac** – Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassurudin Daud menyantuni 98 wakil kaum dan penjawat awam bukan Islam sempena sambutan Tahun Baharu Cina dalam satu majlis yang berlangsung di Kediaman Rasmi Menteri Besar (JKR 10), semalam.

Majlis tersebut merupakan tradisi tahunan yang diadakan bagi meraikan komuniti bukan Islam yang berkhidmat di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan sebagai tanda penghargaan atas sumbangan mereka kepada pembangunan negeri.

Daripada jumlah keseluruhan itu, sebanyak 76 orang merupakan lantikan politik penghulu wakil kaum bukan Islam, sembilan orang Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bukan Islam dan 13 orang penjawat awam yang berkhidmat di bawah pentadbiran kerajaan negeri.

Menteri Besar menegaskan bahawa perbezaan budaya dan bangsa bukanlah penghalang untuk rakyat terus saling menghormati dan



meraikan dalam suasana penuh harmoni.

“Perbezaan budaya dan bangsa bukanlah penghalang untuk kita saling menghormati dan meraikan dalam suasana penuh harmoni. Inilah kekuatan sebenar Negeri Kelantan, perpaduan yang utuh dalam kepelbagaian, demi mere-

alisasikan aspirasi Kelantan Maju, Rakyat Sejahtera,” katanya menerusi laman rasmi, semalam.

Tambahnya, sambutan bersempena Tahun Baharu Cina itu turut menjadi simbol komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memupuk semangat muhibah dan memperkukuh perpaduan antara kaum,

khususnya dalam struktur pentadbiran negeri.

Dalam majlis berkenaan, Menteri Besar turut menyampaikan buah limau sebagai simbol kesejahteraan serta angpau kepada para penerima sebagai tanda penghargaan dan meraikan sambutan perayaan tersebut.

## Pembangkang terbuka berunding, gesa Kerajaan perkukuh libat urus RUU



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KUALA LUMPUR, 3 Mac** – Pembangkang menyatakan pendirian terbuka untuk mengadakan rundingan dengan kerajaan berhubung sebarang Rang Undang-Undang (RUU) yang ingin dibentangkan, demi memastikan kelulusan dasar penting negara dapat dicapai melalui persefahaman bersama.

Ahli Parlimen Pasir Mas YB Ahmad Fadhli Shaari berkata kerajaan wajar merendah diri dan membuka ruang rundingan lebih luas serta menghormati peranan semua pihak di Parlimen.

Beliau mengulas kegagalan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi menghadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada maksimum 10 tahun selepas RUU berkenaan tidak memperoleh sokongan majoriti dua pertiga Ahli Dewan Rakyat.

Menurutnya, pembangkang sentiasa bersikap terbuka dan mengalu-alukan usaha rundingan lebih awal daripada pihak kerajaan berkaitan mana-mana RUU yang mempunyai kepentingan nasional.

Sebagai contoh, beliau mengim-

bas kembali cadangan menurunkan had umur pengundi kepada 18 tahun ketika YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman menjawat jawatan Menteri Belia dan Sukan. Katanya, pembangkang ketika itu memberikan sokongan sehingga RUU tersebut diluluskan dengan majoriti besar di Parlimen hasil perbincangan dan kesepakatan rentas parti.

Selain itu, RUU berkaitan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) turut mendapat sokongan Ahli Dewan selepas melalui proses rundingan dan persefahaman yang baik antara kerajaan dan pembangkang.

Bagaimanapun, beliau meluahkan kekecewaan apabila RUU yang dibawa oleh Perdana Menteri YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, gagal memperoleh sokongan dua perti-

ga Dewan Rakyat kerana didakwa tidak melalui proses rundingan dan penjelasan menyeluruh bersama parti-parti pembangkang.

Menurutnya, sekiranya rundingan dan libat urus yang sewajarnya diadakan lebih awal, RUU berkenaan berpotensi untuk diluluskan dengan sokongan mencukupi.

“Oleh kerana tidak ada rundingan dan libat urus yang sepatutnya, banyak perkara tidak jelas dan pembangkang mengambil pendirian berkecuali,” tegasnya.

Tambahnya, budaya politik yang matang dan berteraskan musyawarah perlu diperkukuh bagi memastikan sebarang pindaan Perlembagaan atau RUU penting negara dapat dilaksanakan secara inklusif serta mendapat mandat kukuh Dewan Rakyat.

# YB Nor Sham santuni petugas barisan hadapan, edar lebih 50 pek juadah

Oleh: Syamimi Manah

**PASIR PUTEH, 3 Mac** – Ahli Dewan Negeri (ADN) Semarak YB Nor Sham Sulaiman menyantuni para petugas barisan hadapan sekitar DUN Semarak menerusi program Terjah Sahur anjuran Pusat Khidmat DUN Semarak, awal pagi tadi.

Menerusi kenyataan yang dimuat naik di laman rasmi Pusat Khidmat DUN Semarak, program tersebut diadakan sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada petugas barisan hadapan.

“Sumbangan juadah sahur ini adalah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih atas dedikasi mereka yang tidak kenal erti penat lelah berkhidmat unyuk masyarakat, terutamanya di bulan Ramadan yang penuh berkat ini,” katanya.

Program yang bermula seawal pukul 12 tengah malam itu telah mengunjungi beberapa lokasi uta-



ma sekitar Semarak iaitu Balai Polis Cherang Ruku, Klinik Pergigian Cherang Ruku, Balai Bomba & Penyelamat Tok Bali, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia di Pengkalan Tok Bali, Pengkalan Perlabuhan Tok Bali serta Shell

Tok Bali.

Sebanyak lebih 50 pek juadah sahur yang mengandungi nasi bungkus, air mineral dan kurma telah diedarkan kepada anggota yang sedang bertugas.

Menurut YB Nor Sham, inisiatif

tersebut bertujuan berkongsi rezeki sekali gus sebagai simbol sokongan moral kepada para petugas yang terus komited memastikan keselamatan dan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara walaupun ketika waktu orang lain sedang berehat.

## Iftar bersama perantau luar negeri, platform eratkan ukhwah anak Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

**MELAKA, 3 Mac** – Iftar bersama perantau luar negeri terus menjadi platform penting dalam mengeratkan ukhwah dan memperkukuh hubungan sesama anak Kelantan yang berada jauh dari tanah air, khususnya dalam suasana Ramadan yang penuh keberkatan.

Demikian kenyataan Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud ketika meluangkan masa menyantuni lebih 350 anak Kelantan dalam Majlis Berbuka Puasa di Dewan Mualim, Bukit Katil, di sini, pada Jumaat.

Dato' Mohd Nassuruddin menyifatkan program seumpama

itu sebagai medan menyatukan hati serta memperkukuh semangat kebersamaan antara pimpinan negeri dan anak-anak perantau.

“Alhamdulillah, ikatan ukhwah dan kegembiraan jelas dirasai. Pertemuan seperti ini amat bermakna dalam menyatukan hati serta memperkukuh semangat kebersamaan,” katanya di laman rasmi

pada Jumaat.

Beliau turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa komited memastikan kebajikan anak-anak Kelantan terus terpelihara, sama ada yang berada di dalam negeri mahupun di perantauan, selain menyalurkan maklumat terkini berkaitan pembangunan dan inisiatif negeri.

Menurutnya, majlis berbuka puasa bukan sekadar pertemuan tahunan, tetapi simbol keprihatinan serta kesinambungan hubungan antara kerajaan negeri dan rakyat Kelantan di luar negeri.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur Persatuan Anak Kelantan Perantauan Malaysia (PERAKAN) Cawangan Melaka Tengah dan Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) atas undangan dan layanan mesra yang diberikan.

Dato' Mohd Nassuruddin juga menyeru anak-anak Kelantan agar sentiasa menjaga nama baik negeri dan memelihara jati diri walau di mana sahaja berada.

# Kelantan tambah peruntukan RM210,000 bina kandang kambing lestari di tujuh DUN

Oleh: Asri Hamat

**PASIR PUTEH, 4 MAC** – Kerajaan Negeri Kelantan melalui Portfolio Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi menambah peruntukan sebanyak RM210,000 kepada tujuh Dewan Negeri (DUN) terpilih bagi pembinaan kandang kambing yang lestari dan lebih sistematik.

Exco Pertanian, Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, setiap DUN menerima sebanyak RM30,000 bagi memastikan pembinaan kandang menepati spesifikasi yang diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVVK).

Menurutnya, inisiatif itu dilaksanakan sebagai sokongan terhadap penubuhan Goat Milk Collection Centre (GMCC) yang bakal menjadi pusat pengumpulan dan pemprosesan susu kambing di negeri ini.

“Usaha ini adalah bagi menyambut baik penubuhan GMCC yang diwujudkan hasil kerjasama antara Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Kerajaan Negeri



Kelantan.

“Pembinaan kandang yang lebih tersusun dan mengikut piawaian amat penting bagi memastikan bekalan susu kambing yang dihantar ke pusat pengumpulan menepati standard kualiti ditetapkan.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Gimik Penyerahan Bantuan Kambing Tenusu JPVNK bagi tahun 2026, di perkarangan Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pasir Puteh, pada Selasa.

Menurut beliau lagi, projek pembinaan kandang berkenaan turut melibatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVVK) sebagai agensi teknikal dalam aspek kesihatan haiwan dan

kawal selia piawaian.

Selain itu, Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) menyediakan sokongan perancangan ekonomi, manakala Kelantan Biotech Corporation Sdn Bhd (KBCSB) menggerakkan pembangunan rantaian bekalan termasuk penyediaan sumber makanan ternakan dan sokongan teknologi.

Tambah Dato' Tuan Mohd Saripudin lagi, kewujudan GMCC memberi kelebihan besar kepada industri kambing tenusu Kelantan kerana ia menyusun semula rantaian nilai daripada peringkat ladang ke pasaran secara lebih sistematik dan berpiawaian.

“Susu kambing yang dikumpulkan akan melalui proses kawalan



kualiti yang lebih ketat, sekali gus meningkatkan keyakinan pengguna serta membuka peluang pasaran lebih luas termasuk penghasilan produk hiliran seperti yogurt dan keju,” jelasnya.

Tambahnya, dengan siapnya dua buah GMCC iaitu di Pasir Puteh dan Ketereh melalui projek kerjasama dengan ECERDC yang menelan belanja lebih 3 juta dapat memberi peluang kepada para penternak untuk memasarkan susu kambing mereka.

“Pusat GMCC ini dijangka siap sepenuhnya pada bulan April ini dan memerlukan maksimum 1000 liter sehari dan sekurang-kurangnya 300 liter sehari untuk menjalankan operasi,” ujarnya.

## Malaysia digesa salur bantuan awal perubatan ke Iran – Senator Dr Wan Martina



Oleh: Syamimi Manah

**KUALA LUMPUR, 4 Mac** – Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff menggesa Kerajaan Malaysia segera menyalurkan bantuan perubatan ke Iran susulan konflik bersenjata yang semakin meruncing di rantau Timur Tengah ketika ini.

Beliau menegaskan bahawa krisis berkenaan bukan sekadar isu geopolitik, sebaliknya satu malapetaka kemanusiaan yang berpotensi

mengancam ribuan nyawa tidak berdosa.

Menurutnya, kerajaan bersama badan bukan kerajaan (NGO) perlu memulakan langkah segera untuk memobilisasi bantuan perubatan dan makanan.

Dr Wan Martina mencadangkan supaya Malaysia menyelaraskan pasukan perubatan sukarela yang mempunyai kepakaran dalam pengurusan trauma dan kecemasan.

“Memandangkan fasiliti kesihatan sering menjadi sasaran atau lumpuh dalam zon peperangan, Malaysia perlu bersedia menghantar pasukan perubatan sukarela (medics) yang pakar dalam pengurusan trauma dan kecemasan” katanya menerusi kenyataan rasmi, hari ini.

Selain itu, beliau menekankan kepentingan pengumpulan stok

ubat-ubatan asas, antibiotik, serta kit pembedahan melalui kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan agensi bantuan antarabangsa.

Ahli Dewan Negara itu juga menggesa penggunaan saluran diplomatik melalui Wisma Putra bagi memastikan kewujudan koridor kemanusiaan yang selamat.

“Ini penting supaya bantuan makanan dan perubatan dapat sampai kepada orang awam tanpa sebarang sekatan. Peperangan tidak pernah memilih mangsa. Di sebalik

angka statistik konflik, ada wanita, kanak-kanak dan warga emas yang memerlukan bantuan segera. Malaysia mempunyai reputasi baik dalam misi bantuan antarabangsa dan tidak wajar berdiam diri ketika krisis kemanusiaan semakin menghampiri titik kritikal,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menyeru rakyat Malaysia untuk bersatu padu dalam doa serta menyalurkan sumbangan melalui saluran rasmi yang sah bagi memastikan bantuan sampai kepada golongan yang memerlukan.



# Keluarga asnaf terima sumbangan CSR Ramadan 1447H AKSB



Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA BHARU**, 4 Mac - Sepuluh keluarga asnaf di Mukim Teluk Kandis dan Pendek Dalam menerima sumbangan daripada Syarikat Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) berupa barangan keperluan dapur, air mineral, kain tudung serta bantuan tunai menerusi Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Ramadan 1447H.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Timbalan Exco Ker-

jaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar bandar YB Saizol Ismail ke rumah setiap penerima, pada Selasa.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AKSB berkata, inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen berterusan AKSB dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat secara strategik.

“Kita bersyukur AKSB terus komited menyantuni para asnaf demi memperkukuh komitmen ter-

hadap agenda kesejahteraan komuniti menerusi pelaksanaan infak. Budaya ini selari dengan aspirasi syarikat untuk memperkukuh nilai kemampunan sosial di samping menyediakan perkhidmatan utiliti air yang berkualiti kepada rakyat negeri ini.

“Program ini turut menzahirkan peranan AKSB bukan sahaja sebagai penyedia perkhidmatan air negeri, bahkan sebagai entiti korporat milik negeri yang komited memacu nilai tanggungjawab so-

sial serta memperkasa kesejahteraan komuniti setempat,” jelasnya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau yakin melalui pelaksanaan inisiatif CSR secara konsisten, AKSB terus memperkukuh reputasi korporatnya sebagai organisasi utiliti yang berfokus kepada operasi dan penyampaian perkhidmatan serta turut memainkan peranan signifikan dalam menyokong agenda kebajikan rakyat, khususnya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan.



## Kelantan perkasa laluan pengajian ke Timur Tengah, KIAS

Oleh: Irham Hilmi Hashim

**KOTA DARULNAIM**, 4 Mac — Kerajaan Negeri Kelantan memperkasa laluan pengajian ke Timur Tengah serta institusi pengajian tinggi tempatan melalui pelaksanaan Kempen Melanjutkan Pengajian ke Timur Tengah dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), selain menyelaraskan proses penghantaran pelajar ke luar negara secara lebih tersusun dan berimpak tinggi.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pendidikan Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, usaha tersebut bertujuan memperkukuh perancangan pendidikan anak Kelantan agar lebih sistematik, selamat dan diyakini oleh ibu bapa.

Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan mesyuarat khas yang memberi tumpuan kepada strategi mempergiat promosi laluan pengajian ke institusi di Timur Tengah serta KIAS, di samping



memastikan proses penghantaran pelajar ke luar negara dilaksanakan secara efisien dan teratur.

Menurut Dato' Wan Roslan, kehadiran pelbagai pihak berkepentingan dalam mesyuarat tersebut membuka ruang perkongsian pandangan, pengalaman dan cadangan penambahbaikan bagi memperkemarkan pelaksanaan kempen secara lebih menyeluruh.

Dalam pada itu, satu karnival pendidikan turut dirancang sebagai platform penerangan komprehensif kepada pelajar dan ibu bapa men-

genai peluang melanjutkan pengajian ke Timur Tengah serta institusi berkaitan.

Karnival tersebut dijangka menjadi medan perkongsian maklumat yang jelas dan tersusun, merangkumi laluan kemasukan, peluang tajaan, prospek kerjaya serta peranan graduan dalam menyumbang kepada pembangunan agama dan negeri.

“Usaha berterusan ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam melahirkan generasi berilmu, berakhlak dan berdaya saing,

sekali gus memperkukuh peranan pendidikan sebagai asas pembangunan modal insan dan kemajuan Kelantan secara mampan,” katanya.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Pengarah Yayasan Kelantan Darulnaim Nik Jessim Tan Sir Nik Hashim, Rektor KIAS Prof Dr Mazlan Ibrahim, Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Shamsul Abu Bakar serta mantan pimpinan Keluarga Pelajar-Pelajar Kelantan Mesir Ahmad Subhi Zainal Abidin.



# Terus bekerja di posisi masing-masing, lengkapi diri sebagai jundullah - MB Kelantan



“**Teruskan bekerja dengan amanah, tingkatkan kompetensi dan pada masa sama mantapkan jiwa sebagai tentera Allah yang berpegang teguh kepada prinsip kebenaran. Itulah jalan menuju keselamatan dan kemenangan hakiki,**”

Oleh: Norzana Razaly

**KOTA DARULNAIM, 1 Mac** - Umat Islam diseru agar terus melaksanakan tanggungjawab di posisi dan penjuror masing-masing tanpa mengabaikan tuntutan melengkapkan diri sebagai jundullah dalam menghadapi cabaran semasa yang semakin kompleks.

Seruan Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud itu menegaskan bahawa kekuatan umat tidak terletak pada retorik semata-mata, sebaliknya bergantung kepada kesungguhan membi-

na diri, memantapkan kesatuan dan memelihara amanah dalam tadbir urus serta kehidupan bermasyarakat.

Menurutnya, firman Allah SWT dalam Surah Yunus ayat 102 mengingatkan bahawa golongan yang ingkar terhadap kebenaran sering bersikap mencabar serta memperlekeh amaran para rasul, seolah-olah menunggu saat azab yang pernah menimpa umat terdahulu.

“Maka orang-orang yang tersebut tidak menunggu melainkan (azab Allah) sebagaimana terjadi-

an-kejadian yang berlaku kepada orang-orang yang ingkar yang terdahulu daripada mereka. Katakanlah: Tunggulah, sesungguhnya aku juga bersama-sama kamu daripada orang-orang yang menunggu.”

Beliau turut menjelaskan, sikap ‘menunggu’ yang dirakam dalam ayat tersebut menggambarkan keangkuhan dan penghinaan terhadap seruan kebenaran yang dibawa para rasul. Namun, pada masa sama, ia menjadi peringatan tegas bahawa janji Allah SWT pasti berlaku.

“Sejarah membuktikan, keingkaran terhadap kebenaran akhirnya dibalas dengan kehancuran. Cabaran terhadap kekuasaan Allah bukanlah sesuatu yang dibiarkan tanpa pembalasan,” katanya dalam Bingkisan Ramadan 1447H Siri Ke-11 yang dikongsikan, hari ini.

Beliau juga menyentuh realiti semasa yang menyaksikan umat Islam berdepan pelbagai tekanan, penindasan dan percaturan kuasa global. Namun tegasnya, umat tidak boleh sekadar menjadi pemerhati terhadap janji kemenangan Allah tanpa memenuhi prasyarat yang ditetapkan.

“Pertolongan Allah tidak hadir kepada umat yang lalai dan berpecah. Umat Islam wajib bersatu, meletakkan kepentingan agama mengatasi agenda lain serta membina kekuatan dalam semua lapangan termasuk pendidikan, ekonomi, teknologi dan pentadbiran,” ujarnya.

Dalam konteks pentadbiran

negeri, beliau mengingatkan bahawa setiap amanah kuasa, walaupun dalam ruang lingkup yang terhad, mesti dijaga dengan memastikan tuntutan agama dilaksanakan secara berintegriti dan berprinsip.

Beliau memetik sambungan firman Allah SWT dalam Surah Yunus ayat 103 sebagai jaminan bahawa pertolongan Allah pasti menyelamatkan para rasul dan orang-orang beriman yang istiqamah.

“Kemudian Kami selamatkan Rasul Kami dan orang-orang yang beriman. Demikianlah juga, sebagai kewajiban Kami, Kami selamatkan orang-orang yang beriman.”

Menurutnya, ayat tersebut menegaskan bahawa kemenangan bukan sekadar janji abstrak, sebaliknya satu ketetapan Ilahi yang akan dizahirkan apabila syarat keimanan, kesatuan dan pengorbanan dipenuhi.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar setiap individu memainkan peranan secara optimum dalam bidang masing-masing, memperkukuh disiplin rohani dan profesional serta menjadikan Ramadan sebagai madrasah pembinaan diri.

“Teruskan bekerja dengan amanah, tingkatkan kompetensi dan pada masa sama mantapkan jiwa sebagai tentera Allah yang berpegang teguh kepada prinsip kebenaran. Itulah jalan menuju keselamatan dan kemenangan hakiki,” jelasnya.



# RM1 juta perkasa projek kambing tenusu di Kelantan

Oleh: Asri Hamat

PASIR PUTEH, 4 Mac - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (JPVNK) menerima peruntukan sebanyak RM1 juta daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi melaksanakan Projek Ternakan Kambing Tenusu di bawah Program Kerjasama Kerajaan Negeri dan KPKM.

Exco Pertanian, Agromakanan dan Komoditi YB Dato’ Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, peruntukan tersebut bertujuan memperkasa golongan penternak kecil melalui pengembangan projek ternakan kambing tenusu secara lebih sistematik, mampan dan berdaya maju, sekali gus meningkatkan pengeluaran susu segar tempatan serta mengurangkan ketergantungan kepada import.

Katanya, daripada jumlah keseluruhan RM1 juta tersebut, sebanyak RM500,000 diperuntukkan bagi perolehan 89 ekor kambing tenusu import dari Australia memabitkan 74 ekor induk dan 15 ekor pejantan.

“Kambing berkenaan akan diagihkan kepada 16 penternak yang terpilih. Penternak lama akan menerima antara lima hingga lapan ekor kambing, manakala penternak baharu menerima dua hingga tiga ekor.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Gimik Penyerahan Bantuan Kambing



Tenusu bagi tahun 2026, di pekarangan Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pasir Puteh, pada Selasa.

Dalam Majlis tersebut, sebanyak 16 penternak dari enam jajahan di Kelantan iaitu dari jajahan Kota Bharu, Pasir Puteh, Machang, Tanah Merah, Tumpat dan Bachok menerima bantuan tersebut.

Katanya lagi, inisiatif strategik itu dilihat mampu memperkukuh tahap sekuriti makanan negeri dan negara, khususnya dalam sektor pengeluaran susu kambing segar tempatan, mengurangkan ketergantungan kepada import serta memperkukuhkan tahap sekuriti makanan negeri dan negara.

Dato’ Tuan Mohd Saripudin turut mengingatkan penerima bantuan supaya memanfaatkan sepenuhnya peluang yang diberikan kerana bantuan berkenaan merupakan satu amanah yang perlu diurus dengan penuh tanggungjawab.

Sementara itu, Pengarah JPVNK Dr Yahasmida Yaacob, berkata program berkenaan bukan sekadar penyerahan ternakan semata-mata, sebaliknya merupakan usaha berterusan bagi meningkatkan pengeluaran susu kambing tempatan.

Menurutnya, inisiatif itu bertujuan memperkasa ekonomi luar bandar selain menjamin bekalan susu segar tempatan yang berkualiti dan selamat untuk pengguna.

“Bantuan ini bukan sekadar pemberian ternakan, tetapi satu usaha berterusan untuk meningkatkan hasil pengeluaran susu kambing dalam kalangan penternak di negeri ini,” jelasnya.

Beliau berharap bantuan yang disalurkan dapat diuruskan dengan baik oleh penternak, khususnya dari aspek pemakanan, penjagaan kesihatan ternakan serta pengurusan rekod pengeluaran.

Katanya, kejayaan program itu

“Bantuan ini bukan sekadar pemberian ternakan, tetapi satu usaha berterusan untuk meningkatkan hasil pengeluaran susu kambing dalam kalangan penternak di negeri ini,”

amat bergantung kepada komitmen dan kesungguhan komuniti penternak sendiri dalam memastikan ternakan diusahakan secara sistematik dan berdaya maju.

“Jadikan bantuan ini sebagai pemangkin untuk terus maju dan berdaya saing serta mampu menjadikan penternakan kambing tenusu sebagai sumber pendapatan yang berterusan,” serunya.

Beliau turut menjelaskan bahawa pihak JPVNK akan terus memberikan khidmat nasihat teknikal serta menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa bagi memastikan projek berkenaan mencapai objektif yang ditetapkan.

Hadir sama Ahli Dewan Negeri (ADN) dari Parlimen Pasir Puteh, Ketua Bahagian Pembangunan Industri Ternakan Dr Siti Bainun Osman, wakil Ketua Jajahan Pasir Puteh dan wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN).



# Kelantan hormati adat dan tradisi masyarakat pelbagai kaum

Oleh: Asri Hamat

**KOTA DARULNAIM, 5 MAC-**Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa menghormati adat dan tradisi masyarakat pelbagai kaum di negeri ini, selaras dengan usaha memperkukuh perpaduan dan keharmonian antara komuniti.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Mohamad berkata, aktiviti keagamaan dan kebudayaan seperti sambutan Chap Goh Meh terus diraikan sebagai sebahagian daripada warna-warni kehidupan masyarakat di Kelantan.

Menurutnya, sebagai tanda sokongan terhadap kelangsungan program komuniti di Tok Kong, Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan sebanyak RM8,000 bagi membantu aktiviti masyarakat setempat.

“Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha memelihara tradisi dan budaya masyarakat pelbagai kaum. Kita mahu hubungan harmoni yang sedia terjalin terus diperkukuh dan menjadi contoh perpaduan yang baik,” katanya menerusi hantaran di media sosial, pada Rabu.

Terdahulu YB Zamakhshari hadir bersama masyarakat Tionghua di Tok Kong Mek Tin Hin Kong, Kampung Cina, bagi sambutan Chap Goh Mei yang



menandakan penutup perayaan Tahun Baharu Cina.

Untuk rekod Tok Kong Mek Tin Hin Kong merupakan antara rumah ibadat tertua di Kelantan dengan sejarah menjangkau lebih 236 tahun. Kedudukannya di tepi Sungai Kelantan menjadikannya sebahagian daripada warisan budaya masyarakat Tionghua di negeri ini.

Setiap tahun, sambutan Chap Goh Mei di sini sentiasa meriah dengan kehadiran masyarakat Cina dari seluruh negeri malah dari luar Kelantan.

Turut menjadi tumpuan dalam program tersebut ialah Perarakan Kebudayaan Chanjie yang bermula dari Tok Kong ini menuju ke Dataran Cheng Ho di Jalan Kebun Sultan, disertai pelbagai kumpulan

kebudayaan.

Sebelum majlis iftar, Tengku Mahkota Kelantan berkenan mengurniakan sumbangan zakat kepada anak-anak yatim, pelajar tahfiz dan golongan OKU sebagai tanda keprihatinan baginda terhadap kebajikan serta kesejahteraan golongan berkenaan.

Majlis berkenaan turut dihadiri Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud, YBM Tengku Temenggong Kelantan merangkap Yang Dipertua MAIK YBM Tengku Tan Sri Dato' Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Dato' Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr. Tengku Faziharudean Tengku Feissal, Penasihat Undang-Un-

“

Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha memelihara tradisi dan budaya masyarakat pelbagai kaum. Kita mahu hubungan harmoni yang sedia terjalin terus diperkukuh dan menjadi contoh perpaduan yang baik,”

dang Negeri Kelantan YB Dato' Idham Abd Ghani dan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan YB Dato' Rosnazli Amin.

Turut hadir, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Negeri Kelantan YB Mohd Asri Mat Daud, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Kaya Perba Mohamad Shukri Mohamad serta Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan YAA Dato' Ibrahim Deris.

Penganjuran majlis tersebut mencerminkan komitmen berterusan institusi diraja Kelantan dalam menyantuni golongan memerlukan, khususnya dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan, selain memperkukuh hubungan kasih sayang antara pemimpin dan rakyat.



# Kelantan meterai kontrak pelancongan RM2.3 juta di ITB Berlin, sasar 2,300 pelancong Jepun

Oleh: Norzana Razaly

**BERLIN**, 4 Mac – Kelantan terus memperkukuh kedudukannya dalam peta pelancongan antarabangsa apabila Tourism Kelantan berjaya memeterai kontrak pelancongan dua hala bernilai RM2.3 juta bersama syarikat pelancongan Jepun, Topview Holiday Japan Co. Ltd., bersempena penyertaan negeri itu dalam pameran pelancongan terbesar dunia, Internationale Tourismus-Börse (ITB) Berlin 2026 yang berlangsung dari 3 hingga 5 Mac.

Perjanjian strategik tersebut dimeterai melalui wakil rasmi Tourism Kelantan di pameran berprestij berkenaan, Inspire Travel Malaysia Sdn. Bhd., sekali gus membuka laluan lebih luas kepada kemasukan pelancong dari Jepun ke negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata kerjasama berkenaan merupakan langkah penting dalam usaha memperluas pasaran pelancongan antarabangsa serta memposisikan Kelantan sebagai destinasi ekopelancongan unggul di rantau Asia Tenggara.

Menurutnya, perubahan landskap geopolitik global turut mempengaruhi pola perjalanan pelancong antarabangsa dan secara tidak langsung membuka peluang



baharu kepada Malaysia.

“Polarisasi pelancongan dijangka berubah buat sementara waktu susulan krisis di Timur Tengah. Pelancong dari Eropah, Jepun, Australia dan New Zealand kini lebih cenderung memilih Malaysia sebagai destinasi utama bagi mengelakkan laluan penerbangan yang melalui kawasan konflik,” katanya dalam kenyataan rasmi, hari ini.

Beliau menegaskan bahawa momentum tersebut wajar dimanfaatkan sepenuhnya bagi memperkukuh kedudukan Kelantan dalam sektor pelancongan berasaskan alam semula jadi yang semakin mendapat perhatian pelancong global.

Sementara itu, Pengarah Tourism Kelantan Mohd Azwan Ab Rahman memaklumkan, kerjasama dengan Topview Holiday Japan Co. Ltd. turut memberi penekanan ke-

pada promosi produk ekopelancongan di kawasan Dabong dan Jeli, yang terkenal dengan keunikan biodiversiti serta landskap semula jadi yang masih terpelihara.

Menurutnya, antara tarikan utama yang akan diketengahkan termasuk kepelbagaian flora dan fauna unik serta Air Terjun Gunung Stong, yang semakin dikenali sebagai permata tersembunyi dalam kalangan pelancong antarabangsa.

“Produk ekopelancongan ini menawarkan pengalaman alam semula jadi yang autentik, eksklusif dan kurang dikomersialkan, sekali gus berpotensi menarik minat pelancong dari Jepun dan Eropah yang mencari destinasi berteraskan kelestarian,” jelasnya.

Dalam perkembangan yang sama, Ketua Pegawai Eksekutif Topview Holiday Japan Co. Ltd.

“Produk ekopelancongan ini menawarkan pengalaman alam semula jadi yang autentik, eksklusif dan kurang dikomersialkan, sekali gus berpotensi menarik minat pelancong dari Jepun dan Eropah yang mencari destinasi berteraskan kelestarian,”

Bill Cheng menyatakan komitmen syarikatnya untuk membawa kumpulan pelancong Jepun ke Kelantan susulan peningkatan kemudahan penerbangan antarabangsa di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

Beliau memaklumkan kumpulan pertama pelancong Jepun dijangka tiba di Kelantan pada akhir April 2026.

Syarikat tersebut juga menyasarkan kemasukan kira-kira 2,300 pelancong Jepun ke negeri ini sepanjang tahun 2026.

Kontrak pelancongan berkenaan dijangka menjana nilai keseluruhan RM2.3 juta bagi tahun ini, sekali gus menjadi pemangkin baharu kepada pertumbuhan sektor pelancongan Kelantan serta membuka ruang kerjasama lebih luas dengan pemain industri pelancongan antarabangsa.





## Alumni KFLI diseru jadi aset strategik pembangunan belia Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 4 Mac – Alumni program Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) diseru memanfaatkan kekuatan jaringan sedia ada sebagai aset strategik negeri dalam memperkasa agenda pembangunan belia secara lebih tersusun dan berimpak tinggi.

Hasrat itu disuarakan Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan YB Zamakhshari Muhamad ketika berucap pada Program Iftar Perdana KFLI yang berlangsung di H-Elite Design Hotel, semalam.

Menurutnya, himpunan pimpinan kohort serta alumni KFLI membuktikan komitmen berterusan kerajaan negeri dalam melahirkan barisan pemimpin muda yang bukan sahaja berkualiti, malah mempunyai jatidiri dan prinsip kepemimpinan yang jelas.

“Kita mengharapkan kepimpinan anak muda Kelantan mempunyai keberanian moral, kejelasan misi serta kesediaan untuk berkorban demi agama, bangsa dan neg-



eri,” katanya.

Beliau menjelaskan bahawa dalam landskap politik moden, kepimpinan sering dikaitkan dengan kuasa dan pengaruh. Namun dalam kerangka Islam, kepimpinan adalah satu amanah yang bakal dipersoalkan dan menuntut tahap integriti yang tinggi.

Sehubungan itu, kerajaan negeri konsisten menekankan pembinaan karakter berasaskan konsep Al-Qawiy Al-Amin iaitu kuat dan berintegriti sebagai asas pembangunan kepimpinan belia.

YB Zamakhshari turut menggariskan tiga dimensi utama yang perlu digerakkan dalam membentuk pemimpin muda masa depan,

iaitu dimensi intelektual, moral serta tadbir urus dan kompetensi.

“Pemimpin mesti berfikir secara kritikal, memahami dasar serta isu global. Dalam masa sama, mereka perlu memiliki kekuatan moral dan keupayaan tadbir urus yang mampu membawa nilai perubahan dalam kepimpinan,” ujarinya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif KFLI Ridhuwan Che Musa merakamkan penghargaan kepada semua 100 wakil daripada 1900 peserta berdaftar daripada Kelantan Future Leaders Camp, Kelantan Future Leaders Bootcamp, Kelantan Future Leaders Academy serta Ahli Dewan Negeri (ADN) Belia Kelantan yang hadir memeriahkan

majlis.

Beliau berkata, pertemuan bersempena Ramadan itu dapat mengeratkan ukhwa dan membuka ruang perbincangan berkaitan pelaksanaan program pembangunan kepimpinan dan peningkatan kemahiran bagi setiap kohort.

“Kita mahu memanfaatkan rangkaian alumni yang besar ini sebagai kekuatan kolektif untuk menyumbang kepada pembangunan belia dan kemajuan negeri Kelantan,” katanya.

Dalam majlis itu juga turut dilancarkan pengenalan laman web rasmi Kelantan Future Leaders (Kfli.my) sebagai platform digital rasmi institut berkenaan bagi menyelaraskan maklumat, aktiviti serta jaringan alumni secara lebih sistematik.

Selain itu, Majlis Kepimpinan Kelantan Future Leaders (MK KFL) turut diperkenalkan sebagai badan penyelaras yang berperanan memperkukuh struktur kepimpinan alumni dan merangka inisiatif pembangunan belia secara lebih terarah.

## Pembangunan Kompleks Sukan Gual Ipoh: Sokongan pihak berwajib dialu-alukan

Oleh: Syamimi Manah

TANAH MERAH, 5 Mac – Pembangunan Kompleks Sukan Gual Ipoh kini memasuki fasa awal dan sokongan pihak berwajib termasuk Kerajaan Persekutuan serta negeri amat dialu-alukan bagi merealisasikan projek tersebut.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Gual Ipoh YB Bahari Mohamad Nor berkata, usaha berkenaan telah dimulakan dengan kejayaan mewartakan tanah seluas 20 ekar sebagai rizab sukan dan rekreasi di Rancangan Perkampungan Tersusun (RPK) Gual Ipoh, terletak di belakang Masjid Gual Ipoh.


Menurutnya, pembangunan akan dilaksanakan secara berperingkat dengan memberi keutama-

an kepada pembinaan padang bola pada tahun ini.

“Kita mulakan tahun ini dengan menyiapkan padang bola terlebih dahulu. Selepas itu akan disusuli dengan padang takraw, badminton dan kemudahan sukan lain termasuk surau, kawasan parkir serta kiosk jualan,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, pihaknya telah memohon peruntukan kepada Exco Belia dan Sukan bagi pembinaan astaka serta tempat duduk penonton untuk kemudahan orang ramai.

Selain itu, perancangan turut melibatkan pembinaan trek balapan berumput bagi membolehkan acara olahraga seperti larian dan lompat pagar dianjurkan, meskipun belum berkemampuan menyediakan trek



sintetik.

Dalam memastikan perancangan pembangunan berjalan lancar, beliau berkata kerjasama sedang dijalinan bersama Majlis Daerah Tanah Merah untuk merangka pelan pembangunan tapak berkenaan.

Menurutnya lagi, kompleks sukan tersebut kelak akan memberi manfaat kepada sekolah-sekolah

dan mana-mana entiti yang tidak mempunyai padang sendiri untuk menganjurkan perlawanan atau aktiviti sukan.

“Kita mengharapkan pihak Kerajaan Persekutuan, negeri, jabatan dan agensi berwajib untuk memajukan tapak seluas 20 ekar ini demi manfaat rakyat Gual Ipoh dan sekitarnya,” ujarinya.